

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (50)

Tarikh : 15 Ogos 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN SHO DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) SHO

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN BAHARU & PERUBAHAN SYARAT DAN FORMAT PEPERIKSAAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (SHO)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah bersetuju dan meluluskan penggunaan Syarat dan Format Peperiksaan dan soalan baharu Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

3. Berikut adalah perubahan bagi Syarat dan Format Peperiksaan SHO dan kadar yuran mengikut kertas/ bahagian bermula tahun 2026:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	60	1 jam 30 minit	50%	50%	RM350
	B	Soalan Struktur	3	2 jam	50%	50%	
		Soalan Esei	1				
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	100%	55%	RM150
	B	Pembentangan	-	10 minit	100%	55%	RM250
		Sesi Soal & Jawab	-	20 minit			
3	-	Stesen Kemahiran	10	1 jam	100%	55%	RM200
JUMLAH							RM950

NOTA:

*Kertas 2

- Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau Bahagian B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

4. Rujukan situasi calon:

- a) Calon peperiksaan yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama) perlulah melengkapkan peperiksaan pada tahun 2025 sehingga lulus.
- b) Sekiranya calon masih berstatus Belum Lengkap sehingga sesi peperiksaan tahun 2025 tamat dan masih sah dalam tempoh dua (2) tahun yang ditetapkan, calon perlu mengulang peperiksaan menggunakan Syarat dan Format Peperiksaan SHO dan soalan baharu pada sesi peperiksaan tahun 2026.
- c) Berikut adalah ketetapan bagi calon yang menduduki peperiksaan:

Kertas 1 dan 2

No.	Situasi calon sehingga 31 Disember 2025	Ketetapan bermula Januari 2026
i.	Gagal Kertas 1 dan Lulus Kertas 2	Perlu menduduki Kertas 1
ii.	Lulus Kertas 1 dan Gagal Kertas 2	Perlu menduduki Kertas 1
iii.	Gagal Kertas 1 dan Kertas 2	Perlu menduduki Kertas 1
iv.	Lulus Kertas 1 dan Kertas 2	Lulus Kertas 1

Kertas 3

No.	Situasi calon sehingga 31 Disember 2025	Ketetapan bermula Januari 2026
i.	Gagal Kertas 3	Perlu menduduki Kertas 3
ii.	Lulus Kertas 3	Lulus Kertas 3

Kertas 4

No.	Situasi calon sehingga 31 Disember 2025	Ketetapan bermula Januari 2026
i.	Gagal Kertas 4A (WPA)	Perlu menduduki Kertas 2A (WPA)
ii.	Gagal Kertas 4B (Pembentangan)	Perlu menduduki Kertas 2B (Pembentangan)
iii.	Lulus Kertas 4A dan 4B	Lulus Kertas 2

5. Calon digalakkan untuk menghadiri mana-mana seminar berkaitan perubahan perundangan dan lain-lain berkaitan atau kursus peralihan SHO anjuran PLB sekiranya ada sebelum menduduki peperiksaan SHO tahun 2026.

6. Syarat dan Format Peperiksaan SHO baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

7. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi Bersama

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)